

16/05/1997

Apakah Malaysia perlukan Singapura

Mohd Top

SEJAK kenyataan menghina Johor oleh pemimpin Singapura, kita mendengar tikaman lidah antara pemimpin serta sokongan rakyat terhadap pemimpin masing-masing. Pada 26 April 1997, sebuah akhbar di negara itu dalam ruangnya mengingatkan Malaysia jangan bermimpi untuk menjadi pesaing Singapura terutama dalam hal pelabuhan, lapangan terbang dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Penulisnya cuba meyakinkan rakyat Singapura KLIA bukanlah saingan Lapangan Terbang Changi kerana KLIA mampu mengendalikan seramai 60 juta penumpang pada tahun 2020 manakala Changi akan mengendalikan 64 juta penumpang tidak lama lagi.

Mengenai MSC pula penulis itu mempersoalkan sama ada MSC itu Miscalculation or Mahathir's Super City. Kononnya Singapura mempunyai kelebihan dari segi kepakaran, pengurusan, perakaunan dan kepakaran teknikal jika dibandingkan dengan kemampuan Malaysia. Malaysia dikatakan memerlukan 23 tahun lagi untuk menandingi Singapura hari ini.

Membaca rencana itu, saya percaya kita memerlukan satu usaha yang bukan saja gigih tetapi praktikal. Selama ini kita memang tidak praktikal apabila beranggapan Singapura memerlukan Malaysia dan Malaysia memerlukan Singapura. Anggapan ini mungkin praktikal 30 tahun yang lampau tetapi bukan sekarang. Apa yang praktikal kini ialah Singapura tidak memerlukan Malaysia dan Malaysia tidak perlukan Singapura.

Rakyat Malaysia mesti dididik supaya tidak lagi bergantung pencariannya di Singapura tetapi di Malaysia saja. Mereka yang tidak yakin dengan kebolehan negara ini harus membuat pilihan dan meninggalkan Malaysia.